

31/08/2002

Nik Aziz boleh kena tindakan: Dr Mahathir

Kadir Dikoh; Mohd Anwar Patho Rohman

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan undang-undang boleh diambil terhadap Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat jika beliau enggan bertaubat kerana menyamakan Tuhan dengan manusia dan mendakwa Allah adalah samseng, penjahat dan penipu maha besar.

Perdana Menteri berkata, perbuatan Nik Aziz itu melampaui batas malah hujah Mursyidul Am Pas itu juga tidak boleh diterima sebagai alasan politik kerana menyentuh kepercayaan orang Islam dan menghina agama Islam.

"Kita berpendapat perkara ini (dakwaan) perlu diketengahkan supaya tindakan boleh diambil kepada orang yang menghina Allah.

"Kita masih lagi berpendapat bahawa Nik Aziz perlu bertaubat, kalau dia tidak bertaubat maka kita berhak mengambil tindakan terhadap kepada orang yang menghina agama Islam dan tuhan dengan menyamakan Tuhan dengan manusia," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, hari ini.

Keputusan meminta Nik Aziz bertaubat itu dicapai dalam mesyuarat MT Umno hari ini yang membincangkan dakwaan Nik Aziz bahawa Allah bersifat samseng, penjahat dan penipu maha besar.

Sementara itu, ditanya mengenai penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik mulai tahun depan, Perdana Menteri berkata, kerajaan tetap melaksanakannya pada Tahun 1 dan kini dalam peringkat kajian terhadap kaedah pengajaran.

"Memang kita mendapat pandangan daripada pelbagai pihak, tetapi kita akan tetap teruskan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris," katanya.